

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH  
(SABAK BERNAM)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK  
BERNAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendapatan hasil  
negara dan perbelanjaan negara dari tahun 2008 hingga 2014 dan apakah  
langkah Kerajaan bagi mengatasi ketirisan dalam perbelanjaan negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil dan perbelanjaan  
Kerajaan Persekutuan daripada tahun 2008 sehingga 2014 adalah seperti  
berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Hasil (a)</b>	<b>Perbelanjaan Mengurus (b)</b>	<b>Perbelanjaan Pembangunan (c)</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan (d) = (b) + (c)</b>
<b>RM bilion</b>				
2008	159.8	153.5	42.8	196.3
2009	158.6	157.1	49.5	206.6
2010	159.7	151.6	52.8	204.4
2011	185.4	182.6	46.4	229.0
2012	207.9	205.5	46.9	252.5
2013	213.4	211.3	42.2	253.5
2014	220.6	219.6	39.5	259.1

Antara usaha dan langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan adalah termasuk melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api. Ianya dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang lebih bersasar.

Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan bahawa pengauditan ke atas projek yang melebihi RM100 juta dilakukan semasa pelaksanaan projek bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan, terutamanya bagi projek yang berimpak tinggi. Langkah lain yang telah diambil bagi memastikan nilai wang setimpal (*value for money*) dalam perolehan Kerajaan termasuklah melaksanakan pengurusan nilai (*value management*) bagi

projek pembangunan fizikal yang melebihi RM50 juta.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Sistem *Outcome Based Budgeting* (OBB) untuk menambahbaik pengurusan belanjawan negara. Sistem ini akan memastikan penyediaan peruntukan adalah berasaskan *outcome*, peningkatan kecekapan pelaksanaan, pengurangan pertindihan serta penilaian prestasi bersistematik ke atas semua program dan projek Kerajaan.

Bagi mendidik serta membudayakan integriti dan tadbir urus yang baik dalam kalangan penjawat awam, Kerajaan telah menubuhkan Unit Pengurusan Integriti yang dianggotai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di setiap Kementerian.

Berdasarkan kepada langkah-langkah yang dinyatakan di atas, Kerajaan berharap agar isu ketirisan perbelanjaan akan dapat diminimalkan melalui penambahbaikan yang berterusan.